

## Dr Sharifah Hapsah dilantik Canselor KPJU

Oktober 19, 2023 @ 10:14pm



Dr Sharifah Hapsah (tiga kanan) bersama Naib Canselor KPJU, Prof Emeritus Datuk Dr Lokman Saim (empat kiri) bersama pelajar cemerlang pada konvokesyen di Kuala Lumpur. - Foto BH/HAZREEN MOHAMAD

KUALA LUMPUR: Ahli akademik terkemuka Prof Emerita Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin dilantik sebagai Canselor Universiti KPJ Healthcare (KPJU) yang baharu.

Pengumuman dibuat Pengurus KPJU yang juga Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation, Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim pada majlis konvokesyen ke-25 KPJU di sini hari ini.

Dr Sharifah Hapsah dalam ucapan berkata, KPJU akan menawarkan program akademik dan kursus mata pelajaran berkaitan kecerdasan buatan (AI) bermula tahun

depan bagi memastikan graduan universiti itu bersedia memenuhi keperluan kemahiran dalam bidang teknologi berkenaan.

Beliau berkata, bidang kesihatan pada hari ini tidak terhad kepada merawat pesakit atau penjagaan klinikal sahaja, namun melibatkan bidang yang luas seperti informatik kesihatan, teknologi digital, pengurusan kesihatan dan fasiliti kesihatan.

Dalam pada itu, KPJU dalam kenyataan menyebut dengan bimbingan dan kepakaran Dr Sharifah Hapsah, universiti itu berharap dapat mengembangkan kualiti bagi kecemerlangan akademik, mewujudkan hubungan dan kerjasama dalam bidang industri kesihatan dan membina kolaborasi dalam bidang penyelidikan.

Pada majlis konvokesyen hari ini, seramai 1,368 graduan KPJU menerima sijil pelbagai peringkat termasuk sarjana, sarjana muda, diploma, diploma lanjutan dan sijil.

Menurut KPJU, alumni universiti itu yang kini mencecah 13,000 orang, berkhidmat di seluruh dunia dalam profesion penjagaan kesihatan.

Kenyataan itu menyebut kejayaan graduan KPJU disokong oleh pakar perubatan dan penjagaan kesihatan Kumpulan KPJ Healthcare dan 29 hospital di seluruh negara yang menawarkan latihan praktikal kepada pelajar dan pendedahan kepada persekitaran klinikal dan kerja sebenar.

"Graduan KPJU mendapat keistimewaan untuk mendapat akses kepada rangkaian hospital pakar KPJ yang luas dan komprehensif di bandar-bandar utama yang berfungsi sebagai tempat latihan untuk pendidikan klinikal dan disokong oleh 1,500 perunding perubatan, jururawat kanan, pakar kesihatan bersekutu dan pengajar klinikal terlatih," menurut kenyataan itu.

Ditubuhkan pada 1991, institusi itu yang juga anak syarikat KPJ Healthcare Bhd dahulunya dikenali sebagai Kolej Kejururawatan dan Sains Kesihatan Antarabangsa PNC mendapat status kolej universiti KPJUC pada 2011 sebelum mendapat penarafan sebagai universiti pada Jun lalu. – BERNAMA